

29 AUG 2001

Mahathir-Sajak

DR MAHATHIR DEKLAMASIKAN SAJAK BARUNYA DI PESTA PUISI PATRIOTIK 2001

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad malam ini mendeklamasikan sajak baru beliau berjudul "Di Atas

Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya" pada Pesta Puisi Patriotik

2001 di Taman Putra Perdana di sini, hari ini.

Sajak Dr Mahathir, yang dideklamasikan beliau dalam masa lima minit,

menyentuh mengenai kaum Melayu yang masih tidak mengambil iktibar daripada

sejarah 450 tahun negaranya dijajah.

Sajak itu turut menyatakan bahawa Putrajaya dinamakan sempena nama bapa

Putra Negara yang diharapkan menjadi lambang negara bangsa merdeka.

Antara rangkap sajak Dr Mahathir itu ialah:

"Melayu tidak belajar dari sejarah 450 tahun dijajah

"Dengan dendang dan hibur hati bangga tentang ceritera dongeng yang

mereka cipta

"Yang remeh itu utama, yang utama itu remeh, yang kecil

dialamkan, yang

alam dihamakan."

Selain itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mendeklasmikan

sajaknya "Puteri Negara" pada hari terakhir pesta puisi dua hari anjuran

Biro Tata Negara Jabatan Perdana Menteri.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman melancarkan

album "Perjuangan Yang Belum Selesai" Datuk Wah Idris dengan lagunya dinyanyikan oleh Nora.

Album itu turut menyelit rangkap sajak yang dibaca oleh Perdana Menteri

yang mempunyai tajuk yang sama.

Seramai 11 orang mendeklamasikan sajak selain menyampaikan lagu puisi

dan lagu rakyat.

Mereka ialah Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said, tokoh pendidikan

Tan Sri Dr Awang Had Salleh dan isteri Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Datin Seri Maznah Rais.

-- BERNAMA

HK MHI NAK